



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MAJLIS AMANAT PERDANA MENTERI SEMPENA HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2025

PUTRAJAYA, 27 Ogos – YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri dijangka akan menyampaikan ucapan amanat sempena Hari Kebangsaan 2025 pada 30 Ogos 2025 (Sabtu) di Dewan A, Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS).

Majlis ini diadakan sebagai satu daripada usaha untuk menyampaikan hasrat dan harapan pimpinan tertinggi Kerajaan mengenai kepentingan **menghayati semangat perpaduan** serta **menyemai semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia**. Tema sambutan pada tahun ini, iaitu "**Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni**" yang membawa maksud bahawa setiap rakyat tanpa mengira kaum, agama, budaya dan latar belakang, adalah aset negara yang mesti dihargai, disantuni serta dirangkul dalam semangat kebersamaan.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata, "amanat yang akan disampaikan oleh YAB Perdana Menteri kelak diharap dapat memberikan inspirasi baharu kepada rakyat Malaysia untuk terus bersatu padu, menghargai pengorbanan generasi terdahulu, serta menghayati erti kemerdekaan dalam konteks cabaran semasa".

Tambah beliau lagi, kira-kira 5,000 tetamu termasuk penjawat awam, agamawan, jentera perpaduan, pelajar sekolah, anggota badan beruniform, pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), golongan belia, usahawan mahupun warga kerja swasta dijangka hadir ke majlis ini bagi menyemarakkan penghayatan kemerdekaan dalam kalangan rakyat Malaysia terutama generasi baharu.